

19/08/2003

## Kebersihan Kampung Duyung dipertingkat

Shukor Kasim

MELAKA: Kerajaan negeri memandang serius kebersihan di beberapa lokasi pelancongan utama di negeri ini termasuk kampung yang menjadi perhatian dunia.

Antara kawasan itu ialah Kampung Duyung yang menyimpan sejarah Hang Tuah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata pihaknya berharap keindahan persekitaran kampung itu dapat dipertingkatkan supaya mampu menarik lebih ramai pelancong.

Katanya, usaha itu perlu dilakukan segera kerana kampung terbabit bukan saja menjadi destinasi utama pelancong tempatan, malah turut dikenali pelancong asing termasuk Russia.

Beliau berkata, ia terbukti apabila Presiden Russia, Vladimir Putin yang melawat Malaysia baru-baru ini bercerita mengenai sejarah Hang Tuah serta Kampung Duyung kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan negeri memberi perhatian serius tahap kebersihan kampung itu dengan mempertingkatkan aspek keindahannya.

"Bagi memastikan hasrat itu tercapai, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menjadikan tanah perkuburan kampung ini sebagai anak angkat.

"Kita juga merancang membina tembok di sekeliling tanah perkuburan serta mendirikan lampu hiasan di kawasan strategik dalam kampung ini," katanya selepas gotong-royong perdana di kampung itu, kelmarin.

Mohd Ali berkata, pihaknya berharap penduduk memberi kerjasama menjaga kebersihan kampung kerana ia turut membuka peluang mereka menambah pendapatan.